

**BUKU PANDUAN
PINDAH KREDIT
PROGRAM PENGAJIAN
KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)**

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pemberian pindah kredit merupakan satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan pengetahuan sedia ada seseorang pelajar apabila mula mengikuti sesuatu pengajian bagi mendapatkan kelayakan yang lain.
- 1.2 Dasar pindah kredit adalah satu elemen penting yang menyumbang kepada proses jaminan kualiti sesuatu program pengajian. Sesebuah institusi pendidikan tinggi perlu menggubal dasarnya sebagai panduan dalam mengendalikan pindah kredit bagi program pengajian yang ditawarkan.
- 1.3 Panduan pindah kredit ini adalah untuk pelajar yang mengikuti pengajian di KPM.
- 1.4 Garis panduan ini telah disediakan dengan merujuk kepada Dasar Jaminan Kualiti yang ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA) bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 2.1 Memberi penjelasan dalam mengendalikan segala urusan berkaitan pindah kredit di KPM.
- 2.2 Mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan pindah kredit di KPM.

3.0 DEFINISI

3.1 Pindah Kredit (PK)

- 3.1.1 Kredit yang diberi kepada pelajar yang telah mengambil kursus dalam sesuatu program pengajian terdahulu ke program yang sedang diikuti di KPM atau IPT yang berbeza.

3.1.2 Pindah kredit adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh KPM atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduat bagi program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindahkan kredit adalah kursus yang setara dengan kursus di program yang membawa kepada penganugerahan kelayakan.

Contoh: Seorang pelajar telah mengambil dan lulus kursus Financial Accounting 1 (ACC 1013) dalam program Diploma in Accounting. Kemudian pelajar ini menukar ke program baharu iaitu Diploma in Business Studies yang mempunyai kursus Financial Accounting for Business 1 (ACC 1103). Pindah kredit bagi kursus Financial Accounting for Business 1 (ACC 1103) ke program Diploma in Business Studies hanya boleh dilakukan sekiranya perbandingan antara kedua-dua kursus ini didapati setara (*course mapping*).

4.0 DASAR PINDAH KREDIT

- 4.1 Dasar Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi membenarkan pindah kredit dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:
- a. Mendatar (*Horizontal*) –
Pindah kredit daripada program pengajian di tahap kelayakan yang sama iaitu diploma ke diploma.
 - b. Menegak (*Vertical*) –
Pindah kredit daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi daripada institusi yang diiktiraf.

Perincian tentang dasar pindah kredit dibahagikan kepada kes-kes yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan mengikut dua kategori tersebut.

4.2 Pindah kredit adalah dibenarkan bagi kes-kes berikut:

a. Mendatar

i. Pelajar sedang mengikuti program dalam sistem KPM:

- Pelajar bertukar program pengajian di KPM.

ii. Pelajar sedang mengikuti program di IPT lain

- Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di KPM pada peringkat dan program yang sama.
- Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di KPM pada peringkat yang sama tetapi program yang berlainan.

b. Menegak

i. Pelajar lepasan Sijil IPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Diploma KPM. Had maksimum jumlah kredit yang dibenarkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang diikuti di KPM.

4.3 Tiada had pindah kredit bagi kes dalam Perkara 4.2a i (Pindah Kredit Mendatar).

4.4 Perkara lain tentang pindah kredit yang tidak dinyatakan secara khusus dalam garis panduan ini perlulah dirujuk kepada Dasar Jaminan Kualiti yang dikeluarkan oleh pihak kementerian dan MQA.

5.0 SYARAT UMUM PINDAH KREDIT

5.1 Pindah kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

- 5.2 Bagi kes-kes di Perkara 4.2 (Pindah Kredit Mendatar), syarat-syarat umum yang berikut perlulah dipatuhi:

JADUAL 1: GRED MINIMUM PINDAH KREDIT

	Kursus	Gred Minimum
A	Program Bukan Profesional	
1	Kursus Teras/ <i>Core</i>	B
2	Kursus bukan Teras/ <i>Core</i>	C+
3	Mata Pelajaran Umum (MPU)	C-
B	Program Profesional	
1	Semua kursus	Lulus 50 markah

- a. Pindah Kredit Mata Pelajaran Umum (MPU) hanya dibenarkan secara mendatar sahaja.
- b. Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 75%;
- c. Kursus yang dipohon untuk dipindahkan kredit mestilah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi.

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN PINDAH KREDIT

- 6.1 Pelaksanaan pindah kredit adalah berdasarkan permohonan pelajar dan kelulusan Jawatankuasa Pindah Kredit di peringkat KPM.
- 6.2 Bagi kes-kes di Perkara 4.2a (Pindah Kredit Mendatar), segala keputusan peperiksaan yang diperolehi daripada pengajian terdahulu adalah dikekalkan. Keputusan kursus yang berkenaan diguna pakai dalam pengiraan GPA dan CGPA.
- 6.3 Bagi kes-kes di Perkara 4.2b (Pindah Kredit Menegak), kaedah berikut perlu diikuti:
- a. Keutamaan pindah kredit diberikan kepada kursus daripada tahap rendah terlebih dahulu.
 - b. Nilai kredit bagi kursus yang diberi pindah kredit diambil kira bagi memenuhi keperluan jumlah kredit untuk bergraduat.

6.4 Pindah kredit melalui saluran Pengiktirafan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu – *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL(C))*.

- a. *APEL (C)* cuma dibenarkan untuk program yang telah mendapat akreditasi MQA (sekurang-kurangnya akreditasi sementara);
- b. Dibenarkan bagi kursus yang menjadi sebahagian daripada kursus yang ditawarkan bagi memenuhi syarat badan profesional. Tertakluk kepada persetujuan badan profesional tersebut;
- c. Pemberian kredit melalui *APEL (C)* ialah pindah kredit tanpa gred;
- d. Peratusan pindah kredit melalui *APEL (C)* ialah 30%.
- e. Penganugerahan kredit melalui *APEL (C)* tidak boleh dipindahkan kepada program lain selain daripada program yang dipohon; dan
- f. Jumlah maksimum pemindahan kredit yang dibenarkan melalui *APEL(C)* adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah maksimum pindah kredit yang dibenarkan melalui *APEL (C)*

Penganugerahan Mengikut <i>Malaysian Qualifications Framework (MQF)</i>	Kredit Bergraduat Minimum	Pemindahan Kredit Maksimum Melalui <i>APEL(C)</i>
Tahap 4: Diploma	90	27
Tahap 3: Sijil	60	18

7.0 PROSEDUR PENGURUSAN

- 7.1 Jawatankuasa Senat peringkat KPM akan meneliti dan membuat keputusan terhadap permohonan pindah kredit yang dikemukakan oleh pelajar.

- 7.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan pemindahan kredit kepada Pengarah KPM. Pindah kredit hanya boleh dilakukan sekali sahaja sepanjang pengajian di KPM.
- 7.3 Pelajar yang memohon pindah kredit mesti membuktikan tahap pengetahuan mencapai sekurang-kurangnya 75% daripada keperluan kursus. Jawatankuasa Senat berhak mengadakan ujian atau temu duga untuk menentukan sama ada pelajar layak diberikan pindah kredit.
- 7.4 Permohonan lengkap hendaklah dilakukan dalam minggu pertama sesi pengajian baharu.
- 7.5 Keputusan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Senat adalah muktamad.
- 7.6 Keputusan permohonan pindah kredit mesti dimaklumkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu kedua sesi pengajian.

Rujukan:

- 1. Dasar-dasar Jaminan Kualiti Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 2. Surat Pemakluman Berkenaan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit daripada Jabatan Pendidikan Tinggi bertarikh 19 Ogos 2016.